

# **Dialek Melayu Satun di Langkawi dan Dialek Melayu Satun di Thai: Satu Kajian Perbandingan**

Nor Hashimah Jalaluddin\*  
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik  
[shima@ukm.edu.my](mailto:shima@ukm.edu.my)

Adriana Santa Tinggom  
[adrianasanta0126@gmail.com](mailto:adrianasanta0126@gmail.com)

Siti Noraini Hamzah  
[sitinoraini1010@gmail.com](mailto:sitinoraini1010@gmail.com)

Hayati Lateh  
[itayah@gmail.com](mailto:itayah@gmail.com)

Hubungan yang erat di antara Langkawi (Malaysia) dan Satun (Thailand) telah lama terbina kesan daripada faktor geografi, sejarah dan politik. Masyarakat di kedua-dua tempat ini menuturkan dialek Melayu yang sama dan secara umumnya boleh diklasifikasikan sebagai Dialek Satun Langkawi (DSL) dan dialek Satun Thai (DST). Apa yang jelas, terdapat tiga aspek yang berbaloi untuk dibandingkan di antara dua dialek ini, iaitu, ciri bunyi bagi DSL dan DST, penyebaran DSL dan DST dan pengaruh nahu Thai dalam DSL dan DST. Kajian lapangan dengan sejumlah 240 informan telah dipilih yang terdiri daripada golongan muda, dewasa dan tua. Secara linguistiknya, kedua-dua dialek ini sangat berkait rapat, maka hasilnya, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan di antara keduanya. Salah satu daripada atribut ketara yang dikongsi bersama adalah adanya pengaruh fonologi Thai dalam nahu asal. Seterusnya, terdapat empat rumus fonologi yang beroperasi dalam kedua-dua dialek yang khususnya melibatkan item leksikal asal tempatan, iaitu (i) rumus pembentukan perkataan monosilabik (cthnya: [do<sup>w</sup>n kəpɔlɛ] 'daun kari'), (ii) kehadiran nada (cthnya: [uljǎŋ] 'ular'), (iii) rumus pemanjangan vokal (cth: [ɲɔːʔ] 'nyiur') dan (iv) rumus aspirasi (cth: [p<sup>h</sup>at lʲat] 'lepat liat'). Namun demikian, perlu disedari bahawa contoh yang ditemui secara relatifnya adalah sedikit dalam DSL berbanding dengan DST. Kemasukan nahu Thai melalui peminjaman kata menandakan perbezaan signifikan di antara dialek Satun Thai dan dialek Satun Langkawi. Nyatanya, jika perilaku linguistik ini berterusan, maka dua variasi Melayu ini akan secara beransur-ansur terpisah dan akhirnya hilang kesalingfahamannya.

Kata kunci: Dialek Satun Langkawi, Dialek Satun Thai, rumus fonologi, kata pinjaman, leksikal asal

## The Satun Malay Dialect in Langkawi and The Satun Malay Dialect in Thai: A Comparative Study

A profound relationship between Langkawi (Malaysia) and Satun (Thailand) had long been established due to geographical, historical and political factors. The people in both vicinities speak the same dialect of Malay, and generally classified as Langkawi Satun Dialect (LSD) and Thai Satun dialect (TSD). It is observed that there are three aspects that worth comparing between the two dialects, i.e the sound features of LSD and TSD, the distribution of LSD and TSD and Thai grammar influence in LSD and TSD. Linguistically, the two dialects are closely related, and therefore there are some phonological similarities as well as dissimilarities between them. One of the shared salient attributes is the influence of Thai phonology in the native grammar. Subsequently, there are four phonological rules that operate in both dialects which particularly involved native lexical items, namely (i) monosyllabic word formation rule (i.e. [dow̃n kəpɔlɛ] 'curry leaf'), (ii) assignment of tone (i.e. [uljǎŋ] 'snake'), (iii) vowel lengthening rule (i.e. [ɲɔ : ʔ] 'coconut' and (iv) aspiration rule (i.e. [p<sup>h</sup>at l<sup>h</sup>at] 'sweet delicacies'). Nevertheless, it must be noted that the attested samples are relatively small in Langkawi Malay as compared to Satun Malay. The importation of Thai grammar via lexical borrowings marks a significant difference between Satun Malay and Langkawi Malay. It is apparent that if this linguistic behavior continues to develop, the two varieties of Malay will gradually be dissented and finally lose their intelligibility.

**Keywords:** Langkawi Satun dialect, Thai Satun dialect, phonological rule, loanwords, native lexical

## PENGENALAN

Langkawi mempunyai sejarah tersendiri. Pada akhir abad ke-13, serangan yang pertama oleh Siam ke atas Kedah telah berlaku (Worawit Baru 1999). Maka, bermulalah sejarah kedatangan orang Siam ke negeri Kedah. Mereka menetap di kawasan yang berhampiran dengan sempadan Kedah-Thailand termasuk Langkawi. Masyarakat Siam yang bermigrasi ke Kedah telah bermastautin di kawasan luar bandar. Kawasan seperti di lereng bukit dan banjaran dianggap selamat bagi mereka daripada serangan tentera Siam pada waktu itu (Nor Hashimah 2015). Natijahnya, memang ramai orang Siam kita temui yang mendiami kaki bukit dan banjaran. Mereka dikenali sebagai masyarakat Melayu Patani di Perak dan masyarakat Melayu Satun di Kedah dan Perlis. Hari ini, telah wujud masyarakat Siam di Langkawi dan mereka membentuk komuniti sendiri. Mereka telah berasimilasi dengan penduduk tempatan malah telah ada perkahwinan campur di antara mereka. Di samping itu, peluang pekerjaan yang meluas di Langkawi telah menarik minat masyarakat Siam berhijrah ke kawasan kajian. Kemudahan pas bulanan untuk masyarakat Siam ke Langkawi dan sebaliknya menjadi faktor pendorong untuk mereka terus berada di bumi Langkawi.

Manakala, Satun terletak lebih kurang 973 kilometer ke selatan Bangkok (Kamaruddin 1999). Wilayah Satun bersempadan dengan negeri Perlis di sebelah selatan. Sementara Pulau Langkawi di sebelah barat Satun dipisahkan oleh Laut Andaman. Di sebelah utara, Satun bersempadan dengan wilayah Songkhla, wilayah Trang dan wilayah Phattalung. Kawasan pentadbiran wilayah Satun dibahagikan kepada 6 daerah dan 1 sub daerah iaitu daerah Mueang Satun, daerah Tha Phae, daerah Khuan Don, daerah Langu, daerah Thungwa, daerah Khuan Kalong dan sub daerah Manang. Wilayah Satun mempunyai 36 mukim dan 256 kampung (Pentadbiran Wilayah Satun 2015).

Dari segi sejarahnya, sebelum tahun 1813, Satun adalah salah satu daerah di negeri Kedah Tua (Saiburi) yang dikenali sebagai Setul Mambang Segara atau Mukim Setul dalam bahasa Melayu. Selepas tahun 1813, Satun diperintah oleh kerajaan Siam pada zaman pemerintahan Raja Rama III dan diletak di bawah pentadbiran gabenor Nakhon Sri Thammarat. Pada ketika itu Satun adalah sebuah bandar kecil sahaja. Kemudian, pada zaman pemerintahan Raja Rama V, Satun mempunyai pemerintahan baru dan dinaik taraf menjadi sebuah negeri. Pada tahun 1897, Satun dikembalikan semula kepada pemerintahan negeri Kedah. Seterusnya pada tahun 1909 dalam perjanjian Anglo-Siamese, Kedah telah jatuh di bawah jajahan British manakala Satun diberi kepada kerajaan Siam kerana majoriti populasinya adalah masyarakat Siam. Kini Satun adalah sebuah wilayah di selatan Thailand yang penduduknya terdiri daripada orang Islam iaitu 80% daripada suku Melayu Kerajaan Tua Kedah (Pentadbiran Wilayah Satun 2015). Sehingga hari ini hanya 30% sahaja yang boleh bercakap dalam dialek Melayu Satun (DMS) (Norizah & Nor Hisham 2010).

Secara umumnya, bahasa Melayu di Thailand tergolong dalam kelompok bahasa minoriti dan ia dituturkan oleh kaum peribumi Melayu yang beragama Islam yang tinggal di lima wilayah selatan Thai iaitu wilayah Patani, Yala, Narathiwat, Songkhla dan Satun (Luangthoangkhom 2008 & Phaitoon 2005). Bahasa Melayu yang dituturkan di wilayah Satun adalah dialek Melayu Satun yang aspek fonologinya mirip dengan dialek Kedah (Seni Mardman 1990, Worawit Baru 1999 & Asmah 1993). Dialek Melayu Satun ini berlainan dengan dialek Melayu Patani (DMP) yang dituturkan di wilayah Pattani, Yala dan Narathiwat, yang mana aspek

fonologinya hampir sama dengan dialek Kelantan di Malaysia (Ruslan 2011 & Hayati et al. 2016).

Satu hal yang menarik, berdasarkan pemerhatian, masyarakat Siam yang menetap dan berulang alik dari Thai ke Langkawi telah menggunakan dialek Melayu Satun dalam perbualan harian mereka. Buktinya, banyak leksikal Melayu Satun yang digunakan oleh masyarakat ini telah dikesan semasa sesi temu ramah dengan responden. Malah ciri fonologi juga dapat dikesan, contohnya penggunaan monosilabik dalam leksikal, penggunaan vokal belakang separuh luas dan penekanan nukleus pada suku kata akhir. Ini selari dengan pendapat Kamaruddin (1999) dalam kajiannya mengenai masyarakat Satun dan Perlis. Kamaruddin merakamkan bahawa bunyi vokal belakang luas /o/ sering hadir sebagai nukleus seperti untuk perkataan /tikar/ menjadi [ti.ko] serta /bakar/ menjadi [ba.ko]. Seterusnya Kamaruddin (1999) menekankan bahawa faktor ketiadaan sistem kelas dalam masyarakat Melayu menyebabkan taraf kedudukan orang Siam adalah setaraf dengan kedudukan penduduk Melayu di luar bandar. Ini memungkinkan pergaulan yang bebas dan komunikasi antara masyarakat Siam dengan masyarakat Melayu Langkawi secara meluas telah menyebabkan asimilasi berlaku. Faktor asimilasi dan faktor bukan linguistik yang lain ini menarik untuk dikaji demi melihat perbandingan dialek Melayu di Langkawi dan Satun secara ilmiah.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai dialek secara umum untuk dialek Kedah telah dikaji oleh Asmah Haji Omar (1993), James T. Collins (1996) dan Ismail Dahaman (1997). Asmah yang boleh dianggap meluas kajiannya telah menyenaraikan sejumlah kosa kata dari dialek Kedah kemudian dibandingkan dengan subdialek lain seperti subdialek Pesisir Kedah, Kedah Utara, Perlis-Langkawi serta perbandingan dengan Patani Baling dan Patani Sik. Asmah telah berjaya menyenaraikan perbezaan bunyi bagi membantu kita mengenali kumpulan subdialek tersebut. Banyak contoh yang diberikan oleh Asmah (1993) bagi menunjukkan perbezaan fonologi di semua daerah di Kedah. Apa yang menarik, Asmah turut menyenaraikan leksikal yang digunakan bagi setiap kawasan kajian di Kedah. Manakala, James T. Collins (1996) dalam bukunya "*Wilayah Dialek Kedah: Bukti dari Sumatera Utara*" pula telah membincangkan mengenai pemetaan dialek Kedah dan perbandingan dialek Kedah dengan "bahasa orang laut". Beliau telah menghasilkan peta lorekan yang memaparkan dialek Kedah dituturkan di pesisiran dan kepulauan tiga negara iaitu negara Malaysia, Indonesia dan Thailand. Seterusnya, Ismail Dahaman (1997) dalam bukunya "*Glosari Dialek Kedah*" pula telah mengumpulkan kosa kata dialek Kedah dan memberikan penghuraian aspek fonologi secara umum. Penjelasan kajian ketiga-tiga pengkaji ini adalah terhad kepada penyenaian perbezaan bunyi. Namun kajian rintisan yang baik ini boleh dikategorikan sebagai kajian dialek umum dan geografi. Umum kerana menghuraikan secara deskriptif perbezaan bunyi dialek-dialek tersebut dan geografi kerana melibatkan wilayah khusus.

Sebenarnya banyak lagi kajian dialek geografi yang pernah dilakukan di Malaysia. Kajian dialek geografi telah dilakukan seawal tahun 80-an. Yang lebih terkini ialah kajian Rahim et al. (2015), Nor Hashimah et. al (2015, 2016, 2017) dan Harishon et al. (2018). Kajian Rahim et al. mengkaji kekerabatan bahasa Melayu Sarawak manakala kajian Nor Hashimah et.al adalah berkaitan *Geographic Information System* (GIS) yang dihubungkan dengan varian fonologi dan leksikal. Seterusnya, Harishon et al. meneliti aspek sosiokognitif penutur Melayu Sam-Sam di Pulau Tuba, Langkawi.

Kajian khusus tentang dialek Melayu Siam dikaji oleh Ruslan (2011) dan Kamaruddin (1999). Mereka mengkaji dialek Melayu Patani dan dialek Melayu Satun. Perbezaan dialek Patani dan Satun adalah sebutan dan fonologinya. Dialek Patani mirip kepada dialek pantai timur iaitu Kelantan sementara dialek Melayu Satun lebih kepada dialek Langkawi dan Kedah. Ini sesuai dengan kedudukan Patani yang berada di sebelah timur dan Satun di sebelah barat Semenanjung Malaysia. Apa yang menarik, kesan daripada sempadan, migrasi dan sejarah bagi kedua-dua dialek Melayu ini telah menunjukkan terdapatnya unsur-unsur nahu Thai yang terkesan daripada data yang dikumpul. Adanya monosilabik, pemanjangan vokal, hembusan (*aspiration*) dan nada (*tone*) yang ditemui khususnya dalam dialek Melayu Satun. Amon (1988) telah mengkaji dialek-dialek Melayu di Thailand. Beliau membandingkan fonologi dialek-dialek Melayu di 16 kawasan kajian di seluruh Thailand dengan menggunakan kaedah soal selidik dan temubual secara langsung dengan responden dan juga menggunakan data dari tesis Sarjana. Beliau mendapati ada 9 variasi dialek Melayu di Thailand. Malah di wilayah Satun sahaja terdapat empat variasi iaitu variasi mukim Ban Khuan, mukim Che Bilang, mukim Tammalang dan Urok Lawoi di Pulau Adang. Lebih awal daripada Amon adalah Gandour (1979) yang mengkaji bagaimana kata pinjaman diberikan nada dalam bahasa Thai. Gandour telah mengkaji peminjaman kata bahasa Inggeris ke dalam Thai dan menunjukkan bahawa pelbagai nada yang hadir adalah bergantung kepada suku kata akhir. Jika kata monosilabik tertutup maka semua nada tinggi akan digunakan. Manakala bagi leksikal dua silabik, ditemui nada menaik di suku kata awal dan nada naik turun di suku kata akhir. Bagi kes peminjaman bahasa Thai ke Satun pulak, kebanyakannya menggunakan nada naik turun sesuai dengan bahasa Melayu yang mempunyai intonasi menurun.

Kajian seterusnya tentang Satun telah dijalankan oleh Norizah dan Nor Hisham (2010). Mereka telah mengkaji pemeliharaan bahasa ibunda dalam kalangan masyarakat Islam di Satun, Thailand. Kajian ini dijalankan melalui pemerhatian kepada penggunaan bahasa penduduk tempatan ketika berkomunikasi dalam konteks tidak rasmi dan bahasa yang digunakan dalam konteks rasmi, seperti media cetak, papan tanda. Notis iklan diambil dari kampung Guar, kampung Klubi, kampung Che Bilang dan kampung Tammalang. Beliau mendapati dialek Melayu Satun (DMS) masih digunakan oleh golongan tua (berumur 50 tahun ke atas) sebagai bahasa pertuturan harian. Namun bagi kanak-kanak kebanyakannya akan bertutur dalam dwibahasa, iaitu DMS dan bahasa Thai dalam perhubungan seharian. DMS jelas digunakan dalam domain keagamaan, kekeluargaan dan persahabatan sahaja. Beliau juga mendapati DMS tidak ada nilai ekonomi di Satun kerana DMS tidak digunakan dalam domain jual beli dan domain pentadbiran. Terkini adalah kajian Hayati et al. (2016) mengenai bahasa Melayu di Satun yang dilihat dari perspektif sosiolinguistik, terutama yang menyangkut pemilihan bahasa berdasarkan domain tertentu.

Satu lagi kajian tentang dialek Melayu di Thai dikaji oleh Rohani (2010). Rohani mengkaji situasi bahasa Urak Lawoi di Pulau Adang, Thailand. Beliau cuba meninjau faktor-faktor yang mengarah kepada situasi bahasa yang berlaku di kepulauan Andaman yang di bawah kuasa pentadbiran kerajaan Thai. Beliau mendapati ada beberapa faktor yang bersifat formal dan tak formal yang mempengaruhi pemeliharaan dan penganjakan bahasa Urak Lawoi. Di antara faktor-faktor tersebut adalah faktor sosial, demografi, sosioekonomi dan sosiopolitik. Terdapat dua perubahan bahasa berlaku di Pulau Lipe' dan pulau Adang, iaitu dari: i) Dialek asal (dialek Melayu Semenanjung) kepada Bahasa Urak Lawoi dan ii) bahasa Urak Lawoi kepada bahasa Thai.

Sebagai rumusannya kajian mengenai dialek Melayu di bahagian utara Semenanjung Malaysia telah ada yang dilakukan. Kajian dialek ini melangkaui wilayah Satun di Thai kerana penggunaan dialek Melayu yang masih relevan di sana. Namun demikian, kita masih dapat

mengesan perbezaan fonologi dan leksikal yang menjadi identiti masyarakat penutur masing-masing. Selari dengan perubahan masa, kehadiran dialek Melayu Satun di Langkawi dan kelestarian dialek Melayu di Satun menarik untuk dikaji. Satu perbandingan akan dilakukan demi menghuraikan apakah ciri persamaan dan ciri perbezaan di antara dialek Melayu ini di dua lokasi berbeza.

Kajian dialek harus berdiri sama tinggi dengan kajian dialek di peringkat global. Kajian dialek sudah bersifat multidisiplin dan melibatkan teknologi *Geographic Information System* (GIS) (Onishi 2010; Teerarojanarat dan Tingsabadh 2011; Nor Hashimah 2015; Nor Hashimah et al. 2016; Nor Hashimah et al. 2017; Harishon 2017; Siti Noraini 2018 & Zaharani et al. 2018). Pendekatan dialek dan GIS membuktikan bahawa isoglos yang telakar lebih tepat dan sistematik. Apa yang lebih menarik, maklumat bukan linguistik seperti topografi, migrasi, sejarah dan sosio-budaya menjadi penguat hujah bagi penjelasan penyebaran dialek di satu-satu kawasan. Dengan adanya kemudahan teknologi GIS, kita akan dapat melakar isoglos yang tepat sebagai pelengkap kepada kajian linguistik dalam kajian dialek ini. Artikel ini akan menghuraikan perbandingan penyebaran dialek Melayu di Langkawi dan Satun dengan bersandarkan maklumat linguistik dan bukan linguistik serta dibantu dengan aplikasi GIS.


## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini melibatkan kajian lapangan iaitu pengutipan data primer yang diperoleh terus daripada informan. Kaedah kajian ini merupakan penyelidikan yang bersifat '*explanatory*' iaitu kajian yang melibatkan pemerhatian/pengutipan data yang dapat dihuraikan dengan penjelasan yang teliti. Kaedah ini merupakan ciri penyelidikan yang dikemukakan oleh Nor Hashimah (2016) dan Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017). Kaedah penyelidikan ini lebih mempertaruhkan aspek kesaintifikan yang menerapkan pendekatan yang bersesuaian dan dapat dijelaskan dengan analisis yang tuntas. Justeru itu, perancangan dari segi pengutipan mahupun pengolahan data telah dilakukan dengan teliti bagi memperoleh hasil yang terbaik. Kajian telah dilakukan di Pulau Langkawi dan Satun, Thailand. Sebanyak enam mukim di Langkawi telah dikaji iaitu, mukim Kuah, mukim Padang MatSirat, mukim Kedawang, mukim Bohor, mukim Air Hangat dan mukim Ulu Melaka. Manakala responden adalah terdiri daripada penutur natif dialek Kedah di Langkawi dan penutur Siam yang telah lama bermastautin di kawasan kajian. Penutur Siam yang bermastautin dimaksudkan ialah komuniti yang telah lama tinggal di Langkawi. Ada yang berkahwin dengan penduduk tempatan dan ada yang berkahwin sesama masyarakat Satun tetapi menetap di Langkawi. Pemilihan responden terdiri daripada tiga golongan iaitu golongan muda (berumur 15-25 tahun), golongan dewasa (berumur 26-49 tahun) dan golongan warga tua (berumur 50 tahun dan ke atas). Pembahagian ini penting kerana kita dapat melihat pola penggunaan dialek Melayu antara generasi.


Sebagai perbandingan, kajian lapangan turut telah dilakukan di Wilayah Satun yang melibatkan sub daerah Che Bilang, Tammalang dan Ban Khuan. Che Bilang adalah pesisir pantai yang bersempadan dengan Langkawi yang terpisah oleh Laut Andaman. Tammalang pula berjiran dengan Kuala Perlis di sebelah selatannya sementara Ban Khuan adalah kawasan yang lebih ke pedalaman dan telah banyak terpengaruh dengan bahasa Thai. Responden di Satun juga melibatkan tiga kategori umur yang sama seperti di Langkawi. Pengutipan data di wilayah Satun akan mengesahkan lagi bahawa leksikal yang terpilih wujud di Langkawi dan Satun.

Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini ialah seramai 120 orang informan dari 18 buah kampung yang dipilih di Langkawi. Langkawi masih diliputi dengan hutan tebal, maka

pemilihan informan yang seramai 120 orang ini mencukupi untuk memberi gambaran penggunaan dialek Melayu di pulau ini. Begitu juga seramai 120 orang informan telah diambil dari Satun. Oleh kerana di Satun sub daerahnya agak terpisah, maka 40 informan telah dipilih bagi mewakili satu-satu sub daerah. Kampung ini dipilih mengikut titik kampung dalam peta berpandukan GPS (*Global Positioning System*) dan dikukuhkan lagi dengan bantuan penghulu kampung bagi memastikan pengkaji mendapat informan yang sah. Semua informan akan mengisi soal selidik dan menyebut kosa kata yang telah disenaraikan. Untuk mendapatkan sebutan yang lebih tepat, sesi temubual spontan dan rakaman turut diadakan. Kemudian data terkumpul itu ditranskripsi, dibersihkan sebelum dipindahkan ke dalam sistem GIS. Maklumat kampung dan maklumat geografi kawasan kampung tersebut juga tidak diabaikan dalam proses pengumpulan data. Selain itu, pengkaji turut mendapatkan data bergambar persekitaran dan muka bumi kawasan yang dikaji. Peta 1 di bawah adalah peta kawasan kajian di Langkawi dan peta 2 adalah peta wilayah Satun.



PETA 1. Kawasan kajian dan bentuk muka bumi Langkawi



PETA 2. Kawasan Kajian di Satun

## PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan tiga aspek mengenai dialek Melayu Satun Langkawi (DSL) dan dialek Melayu Satun Thai (DST), iaitu ciri-ciri bunyi DSL dan DST, taburan dialek DSL dan DST serta perbandingan taburan dialek bagi DSL dan DST dengan pengaruh nahu Thai.

### CIRI-CIRI BUNYI DALAM DSL DAN DST

Unsur-unsur persamaan dialek Melayu Satun Langkawi (DSL) dan dialek Melayu Satun Thai (DST) dapat ditemui daripada kajian lapangan. Meskipun wujud persamaan, terdapat juga perbezaan minimum dari segi fonologi khususnya dalam dialek Satun. Namun perbezaan ini tidak memberikan perbezaan bunyi yang ketara dan pada masa yang sama mengekalkan makna yang sama.

#### i. Pengguguran konsonan

Persamaan dapat dikesan daripada pengguguran konsonan. Dalam proses pengguguran konsonan didapati bunyi geluncuran /l/ dan /r/ akan digugurkan. Leksikal 'bantal' akan mempunyai tiga varian lain seperti [banta], [bantaj] dan [bante]. [bantaj] dan [bante] banyak ditemui di Padang Mat Sirat dan Kuah. Ini adalah kawasan asal DML. Manakala [banta] dan [bante] adalah sebutan yang biasa didengari dalam kalangan masyarakat Satun. Begitu juga dengan taburan varian 'air' dan 'ular'. Bunyi /r/ di akhir kata digugurkan dan digantikan oleh geseran bersuara /ʕ/ seperti [aʔaʕ] dan vokal /a/ seperti [aʔjǎ]. Hal yang sama dapat dilihat pada 'ular'. Ada pengguguran dan penggantian pada konsonan /r/ di akhir kata seperti dalam jadual 1.

JADUAL 1. Pengguguran Konsonan

| Kata Asal | Pengguguran konsonan       | DSL, DST |
|-----------|----------------------------|----------|
| bantal    | [banta], [bantɛ], [bantaj] | DST      |
|           | [banta], [bantaj]          | DSL      |
| ular      | [uljǎŋ], [ulaŋ]            | DST      |
|           | [uljǎŋ], [ulaŋ]            | DML      |
| air       | [aʲjâ], [aʲjǎŋ], [ajaŋ]    | DST      |
|           | [aʲjâ], [ajaŋ]             | DML      |

- ii. Bunyi getaran /r/ menjadi geseran /ʁ/

Kedua-dua dialek DSL dan DST menggunakan /ʁ/ dan /ɣ/ bagi menggantikan /r/. Bunyi /ʁ/ banyak ditemui dalam DSL sementara bunyi /ɣ/ banyak digunakan di Satun. Pengaruh setempat di Langkawi yang menggunakan /ʁ/ telah mempengaruhi penutur Satun di Langkawi.

JADUAL 2. Penggunaan Bunyi /ʁ/

| Kata Asal | Konsonan [ɣ] Dan [ʁ] | DSL, DST |
|-----------|----------------------|----------|
| rambutan  | [ʁambot]             | DSL      |
|           | [ɣambot]             | DST      |
| kari      | [kaʁi]               | DST      |
|           | [kaɣi]               | DSL      |

- iii. Perubahan nasal di akhir kata

Dalam data yang dikutip ditemui beberapa contoh yang menunjukkan bahawa ada berlaku perubahan bunyi dari nasal ke plosif tidak bersuara. Dalam hal ini bunyi /m/ digantikan dengan bunyi /p/ dan bunyi /n/ dengan bunyi /t/. Ini berlaku pada DST tetapi tidak pada DSL.

JADUAL 3. Bunyi [m] Menjadi [p]

| Kata Asal | Konsonan [m] bertukar kepada [p] | DSL, DST |
|-----------|----------------------------------|----------|
| ayam      | [ajap]                           | DST      |
|           | [ajam]                           | DSL      |
| tajam     | [taɗʒap]                         | DST      |
|           | [taɗʒam]                         | DSL      |

JADUAL 4. Bunyi [n] Menjadi [t]

| Kata Asal | Konsonan [n] menjadi [t] | DSL, DST |
|-----------|--------------------------|----------|
| ikan      | [ikat]                   | DST      |
|           | [ikan]                   | DSL      |
| hutan     | [utat]                   | DST      |
|           | [utan]                   | DSL      |
| makan     | [makat]                  | DST      |
|           | [makan]                  | DSL      |


iv. Pembundaran vokal

Kita temui kebanyakan bunyi /ɔ/ berada di suku kata akhir bagi DSL dan DST. Ini selari dengan pendapat Kamaruddin (1999). Data ini ditemui kedua-dua DSL dan DST


JADUAL 5: Bunyi [ɔ] Sebagai Nukleas Pada Suku Kata Akhir

| Kata Asal | Kehadiran [ɔ] pada suku kata akhir | DSL, DST |
|-----------|------------------------------------|----------|
| paha      | [pəhɔ]                             | DSL, DST |
| haus      | [lapɔ]                             | DSL, DST |
| suka      | [sukɔ]                             | DSL, DST |
| marah     | [maɾɔh]                            | DSL, DST |
| kita      | [kitɔ]                             | DSL, DST |

Jelasnya ada persamaan dari segi pengguguran konsonan dan perubahan getaran kepada frikatif. Cuma perbezaan kecil frikatif adalah dari segi titik artikulasi. Manakala perubahan nasal kepada plosif dan perubahan bunyi vokal /ɑ/ kepada /ɔ/ hanya berlaku dalam DST. Peta 3 dan 4 di bawah menunjukkan taburan ciri asas DSL dan DST. Jelasnya, hanya ada dua sahaja ciri yang sama di antara dua dialek ini. Sementara ada dua lagi yang berbeza. Natijahnya, yang berbeza adalah kerana pengaruh bahasa Thai yang meresap dalam DST lebih ketara berbanding dengan DSL.



Peta 3: Ciri Asas Bunyi DSL



Peta 4: Ciri Asas Bunyi DST

## TABURAN DIALEK DSL DAN DST

### a. Taburan Dialek Melayu Satun di Langkawi (DSL)

Perbincangan diteruskan dengan mengkaji penyebaran dua leksikal utama dalam dialek DSL diikuti dengan penyebarannya di Satun dan seterusnya dibuat perbandingan. Leksikal yang dipilih adalah ‘bantal’ dan ‘air’. Jadual 6 di bawah adalah varian bagi leksikal ‘bantal’. Manakala jadual 7 pula adalah varian bagi leksikal ‘air’.


JADUAL 6. Taburan Leksikal ‘bantal’

| Leksikal        | L1     | L2    | L3   | L4    | L5  | L6     |
|-----------------|--------|-------|------|-------|-----|--------|
|                 | bantaj | bante | bata | banta | môn | bantal |
| Mukim           |        |       |      |       |     |        |
| Padang Matsirat | 37%    | 31%   | 0%   | 0%    | 0%  | 32%    |
| Bohor           | 41%    | 25%   | 0%   | 0%    | 0%  | 34%    |
| Kuah            | 33%    | 7%    | 0%   | 30%   | 10% | 20%    |
| Ayer Hangat     | 80%    | 0%    | 0%   | 10%   | 10% | 0%     |
| Kedawang        | 66%    | 0%    | 34%  | 0%    | 0%  | 0%     |
| Ulu Melaka      | 58%    | 0%    | 42%  | 0%    | 0%  | 0%     |

Berdasarkan jadual 6 di atas, selain daripada dialek asal Melayu Langkawi (DML), kita temui juga varian dialek Melayu Satun Langkawi (DSL) dan dialek Melayu Patani (DMP). Contohnya /banta/ yang terdapat di Ayer Hangat khususnya di Padang Lalang dan Kuah, iaitu Pulau Tuba. Kedua-dua kampung ini adalah tempat pendaratan masyarakat Melayu Satun di Langkawi (Nor Hashimah et al. 2017). Mereka kebanyakannya nelayan dan memilih kedua-dua kampung ini kerana berada di kawasan teluk yang selamat dari masalah ombak dan ribut (lihat peta 1). Selain DSL, kita tidak dapat menafikan kehadiran dialek Melayu Patani (DMP)

kerana kehadirannya sangat signifikan berikutan faktor ekonomi dan penghijrahan. Semenjak Langkawi menikmati taraf sebagai kawasan bebas cukai, kita dapati pengaliran pekerja dari luar kawasan Langkawi sangat memberangsangkan.

Data di atas menunjukkan kehadiran /bata/ di mukim Kedawang dan Ulu Melaka. Di Kedawang ini ada Pantai Cenang tempat tumpuan pelancong. Di sini juga terdapatnya banyak kedai makan dan restoran masakan Thai. Kehadiran mereka dibuktikan dengan data ini. Yusmaniza (2014) telah membuktikan bahawa varian /bata/ memang merupakan varian dari Patani. Manakala Ulu Melaka bersebelahan dengan Kedawang yang toponya tanah rata telah memudahkan dialek ini menembusi kampung Ulu Melaka. Ini bermakna telah ada penutur Melayu asal Langkawi, Melayu Satun dan Melayu Patani di Langkawi. Peta 5 di bawah memperlihatkan taburan varian DML, DSL dan DMP di Langkawi. Kawasan Padang Mat Sirat, Bohor dan sebahagian besar Kuah masih kekal menggunakan dialek DML. Kawasan ini juga dikaitkan kawasan asal orang Langkawi. Peta 5 di bawah adalah taburan leksikal ‘bantal’ dengan varian DML, DSL dan DMP.




Seterusnya varian DML, DSL dan DMP diperkukuhkan dengan data leksikal ‘air’. Sekali lagi kita perhatikan hal yang sama turut berlaku pada data ‘air’. Pola yang sama ditemui seperti tergambar dalam jadual 7 di bawah. Daripada 5 varian yang ditemui, kita boleh kenal pasti bahawa varian itu milik DSL, DML atau DMP. Dengan hujah yang sama, taburan data yang jelas dirakamkan dalam peta 6 di bawah. ‘air’ dalam DML disebut sebagai /aʝaʃ/ dan ini terlihat dengan jelas digunakan di Padang Matsirat dan Bohor serta lebih 50% di Kuah. Ini adalah kawasan asal Melayu Langkawi. Di kawasan Ayer Hangat, Ulu Melaka dan Kedawang terkesan DSL dan DMP. Sama seperti ‘bantal’, leksikal ‘air’ disebut /aʝjâ/ dan /nãm/ di Ayer

Hangat. Ini adalah sebutan bagi masyarakat Satun. Data yang sama akan terlihat juga di Satun (lihat peta 7 dan peta 8). Manakala bagi DMP pula kita temui data /ε/ di Ulu Melaka dan Kedawang. Varian ini ditemui juga di Lenggong dan Grik di Perak. Selain /ε/, penutur Patani juga menggunakan bahasa standard /æ/ dalam pertuturan sehari-hari mereka (Zaharani et al. 2018).

JADUAL 7: Taburan Leksikal ‘air’

| Leksikal        | L1  | L2  | L3   | L4   | L5  |
|-----------------|-----|-----|------|------|-----|
|                 | ae  | ε   | a'jâ | ajaŋ | nām |
| Mukim           |     |     |      |      |     |
| Padang Matsirat | 0%  | 0%  | 0%   | 100% | 0%  |
| Bohor           | 0%  | 0%  | 0%   | 100% | 0%  |
| Kedawang        | 23% | 10% | 0%   | 67%  | 0%  |
| Ayer Hangat     | 0%  | 0%  | 30%  | 50%  | 20% |
| Ulu Melaka      | 16% | 5%  | 0%   | 47%  | 32% |
| Kuah            | 0%  | 0%  | 23%  | 53%  | 24% |

Peta 6 di bawah adalah taburan varian ‘air’ yang mewakili DSL, DML dan DMP. Taburan ‘bantal’ dan ‘air’ adalah seragam polanya dengan ‘daun kari’ dan ‘daum kesum’ di Langkawi (Nor Hashimah et al. 2017).




PETA 6. Taburan Leksikal ‘air di Langkawi


Daripada jadual 7 di atas, jelas menunjukkan terdapat tiga jenis dialek, iaitu dialek Melayu Langkawi (DML), dialek Melayu Satun Langkawi (DSL) dan dialek Melayu Patani (DMP)

Rumusan yang dapat dibuat adalah masyarakat Melayu Satun dan Patani menduduki kawasan tengah Langkawi. Faktor jarak, pas masuk bulanan oleh imigresen Malaysia serta pulau bebas cukai telah menarik Melayu Satun dan Patani berhijrah ke Langkawi. Faktor sejarah dan sosio-budaya seperti pertalian darah kekeluargaan, perkahwinan dan peluang perniagaan telah menjadi faktor penguat kepada kemasukan mereka. Manakala maklumat topografi seperti teluk dan bukit membantu menjadi faktor pengukuh mengapa DSL dan DMP berada di tengah Langkawi. Kedua-dua adalah kerana faktor keselamatan.

Kita tinjau pula taburan leksikal di wilayah Satun. Memandangkan kajian ini melibatkan dua negara, adalah baik jika kita dapat lihat bagaimana kedudukan DST sendiri di Satun. Dalam peta 7 di bawah kita dapati leksikal ‘air’ disebut [aʝaʔ] di Che Bilang, Tan Yon Poo dan Cha Lung. Tan Yong Poo dan Cha Lung adalah kampung yang masuk dalam mukim Che Bilang. Penutur Che Bilang ini memang menggunakan dialek Kedah. Berbeza dengan Tammalang dan Ban Khuan. Tammalang ini jauh ke selatan Satun tetapi bersempadan dengan Kuala Perlis. Variannya berbeza dengan mukim Che Bilang. Sementara Ban Khuan terletak jauh ke pedalaman dan jauh dari Che Bilang. Kedua-dua sub daerah ini menggunakan [ʔaʝaʔ] dan [aʝjâ] yang merujuk kepada ‘air’. Di Ban Khuan, faktor pedalaman, perkahwinan campur dan pendidikan yang memperlihatkan kawasan ini menggunakan sebutan yang hampir dengan bunyi Thai, iaitu dengan memasukkan unsur nada. Pada masa yang sama dari pemerhatian lapangan, wujudnya kawasan berbukit di sekitar kawasan Ban Khuan dan Tammalang yang menyebabkan varian Che Bilang terhalang ke kawasan ini. Kerana halangan bukit dan kedudukan Ban Khuan terutamanya berada di kawasan Thai yang lain, maka kita dapati nahu Thai telah mula meresap masuk melalui kata pinjaman. Peta 7 dan 8 adalah taburan data ‘air’ dan ‘bantal’ di Satun. Jelas, DSL dan DST mempunyai persamaan di Che Bilang tetapi telah agak berbeza di Tammalang dan Ban Khuan.



PETA 7. Taburan Leksikal ‘air’ di Satun



PETA 8. Taburan Leksikal ‘bantal’ di Satun

Berlainan pula dengan leksikal ‘bantal’ (lihat peta 8). Penutur di Satun masih mengekalkan sebutan /bantaʝ/ dan /banta/ sama seperti yang digunakan di Langkawi. Juga terdapat leksikal /banta/ di Ban Khuan. Tidak ada data yang menunjukkan leksikal /mõn/ digunakan sedangkan leksikal /mõn/ adalah kata dari Thai yang merujuk kepada ‘bantal’. Begitu juga tiada varian

/bantāl/ dan /batā/ di kawasan ini. /bantāl/ adalah sebutan baku dalam bahasa Melayu di Langkawi dan /batā/ adalah dari dialek Melayu Patani.

### DSL dan DST Dengan Pengaruh Nahu Thai

Kajian selanjutnya adalah mengenai pengaruh nahu Thai dalam DSL dan DST sendiri. Terdapat senarai leksikal yang jelas menggambarkan unsur nahu Thai dalam leksikal mereka. Ruslan (2011) menyatakan bahawa memang wujudnya proses pemendekan kata, nada, hembusan dan vokal panjang dalam dialek Melayu Satun dan Patani. Inilah ciri pembeza ketara antara DSL dan DST.

#### i) Pemendekan suku kata/monosilabik

Jadual 8 di bawah menyenaraikan leksikal yang mengalami pemendekan suku kata. Dari dua suku kata kepada satu suku kata. Contohnya, ‘daun’ disingkatkan kepada [da<sup>w</sup>n], [do<sup>w</sup>n], ‘nenek’ kepada [nɛʔ] dan ‘lepat’ kepada [p<sup>h</sup>at]. Tiga data yang ditemui di Langkawi ini membuktikan kehadiran unsur nahu Thai pada DSL. Oleh kerana penduduk Satun yang bermastautin lebih banyak bergaul dengan orang tempatan maka pengaruh Thai tidak begitu ketara. Jadual 8 di bawah adalah contoh kata monosilabik.

JADUAL 8. Monosilabik

| Kata Asal | Kata Ekasuku                             | DMP/ DMS |
|-----------|------------------------------------------|----------|
| daun      | [da <sup>w</sup> n], [do <sup>w</sup> n] | DSL, DST |
| nenek     | [nɛʔ]                                    | DSL, DST |
| Lepat     | [p <sup>h</sup> at]                      | DSL      |

#### ii) Nada (*tone*)

Dalam jadual 10 di bawah, ada sejumlah leksikal yang ditemui di Langkawi menggunakan nada sama seperti dalam bahasa Thai. Mengikut Gandour (1979) ada lima jenis nada dalam Bahasa Thai. Nada tengah (*mid falling*), rendah (*low falling*), menurun (*high falling*), tinggi (*high raising*) dan menaik (*low rising*). Kesemua nada ini membawa makna yang tersendiri. Maknanya jika salah nada ia boleh memberi kesan kepada makna leksikal itu sendiri. Dalam jadual 9 di bawah, leksikal ‘naa’ boleh bermaksud padang, nama panggilan, muka, ibu saudara dan tebal bergantung pada nadanya. Menurut Court (dalam Gandour 1979), kemasukan nada dalam Bahasa Melayu terutama DMS lebih kepada nada naik turun /<sup>^</sup>/ terutama di akhir suku kata yang terbuka. Manakala bagi nada tinggi /<sup>ˈ</sup>/ di tempat-tempat lain.

JADUAL 9: Contoh leksikal bernada dalam bahasa Thai

| Leksikal dengan nada | Nada       | Makna          |
|----------------------|------------|----------------|
| <b>Naa</b>           | tengah     | Padang         |
| <b>naà</b>           | turun      | nama panggilan |
| <b>naâ</b>           | Naik turun | Muka           |
| <b>naá</b>           | naik       | ibu saudara    |
| <b>naǎ</b>           | Turun naik | Tebal          |

Daripada kajian lapangan yang dilakukan di Langkawi dan Satun, beberapa data yang menunjukkan ada pengaruh nada dengan leksikal asal bahasa Thai digunakan oleh masyarakat Satun di Langkawi dan di Thai sendiri. Ini bermakna masyarakat Satun bersifat dwibahasa, iaitu boleh menggunakan dialek Melayu dan Bahasa Thai.

JADUAL 10: Leksikal Bernada

| Kata Asal | Leksikal yang bernada            | DSL, DST |
|-----------|----------------------------------|----------|
| bantal    | [mǒn]                            | DSL      |
| tajam     | [bet kuán]                       | DSL, DST |
| atap      | [saŋkasǐ], [laŋk <sup>h</sup> a] | DSL, DST |
| bapa      | [kunpô]                          | DSL, DST |
| barang    | [k <sup>h</sup> ǝŋ]              | DST      |
| durian    | [luŋ lian]                       | DSL, DST |
| kita      | [p <sup>h</sup> uk ɛâw]          | DSL, DST |
| lutut     | [hǔa k <sup>h</sup> aù]          | DST      |
| marah     | [kiñ]                            | DST      |
| nenek     | [kun tâ]                         | DST      |
| basikal   | [ɛót thip]                       | DSL, DST |
| kicap     | [námplan], [síʔjú]               | DSL, DST |
| tumit     | [sôn tin]                        | DST      |

Dalam jadual 10 di atas, kesemua leksikal yang dikutip adalah data Thai yang mempunyai nada. Selain menggunakan DSL, masyarakat Thai yang mempunyai latar belakang pendidikan Thai memang boleh bertutur dalam bahasa Thai. Ini terlihat pada sejumlah data yang dikutip daripada lapangan di Langkawi dan Satun. Menariknya, ada beberapa data dialek Melayu bernada yang digunakan dalam DSL. Contohnya adalah seperti jadual 11 di bawah. Meskipun mereka menggunakan DSL tetapi penggunaan nada menjadikan ia berbunyi seolah-olah seperti leksikal Thai. Data ini pastinya banyak juga ditemui di Satun.

JADUAL 11. Data DMS Bernada

| Leksikal | Leksikal Melayu Bernada | DSL, DST |
|----------|-------------------------|----------|
| air      | [a'jâ], [a'jǎʔ]         | DSL, DST |
| campur   | [tʃamp <sup>h</sup> uâ] | DST      |
| ular     | [ulǎʔ] [ulâ]            | DSL, DST |
| ayam     | [aǎp]                   | DST      |
| makan    | [makât]                 | DST      |
| hutan    | [utât]                  | DST      |
| durian   | [doǎn], [dojât]         | DSL, DST |
| ikan     | [ikât]                  | DST      |
| tajam    | [taǎp]                  | DST      |
| lembut   | [ləmuît]                | DSL, DST |

### iii. Leksikal dengan Hembusan (*aspirated*)

Satu lagi ciri nahu Thai adalah bunyi yang berhembus (*aspirated*). Menurut Ruslan (2011), DSL dan DST menggunakan hembusan pada kata-kata pinjaman dari Thai sahaja. Ini sesuai dengan ciri nahu Thai. Berbeza dengan DMP, di mana nada berhembusnya adalah fonemik. Contoh DMP adalah seperti dalam jadual 12 di bawah:

JADUAL 12: Hembusan dalam DMP

| Konsonan Biasa       | Konsonan Hembusan                  |
|----------------------|------------------------------------|
| paɣoʔ - mengukur     | p <sup>h</sup> αɣoʔ- bekas luka    |
| təmuŋ - kunyit putih | t <sup>h</sup> əmuŋ - bertemu      |
| koʔ - pelana gajah   | k <sup>h</sup> oʔ - mata wang Thai |

Berlainan dengan DSL, tiada data yang jelas mengenai nada berhembus kecuali pada tiga leksikal ini, iaitu [p<sup>h</sup>aʔ l<sup>h</sup>aʔ] – ‘lepas liat’, [mak<sup>h</sup>an] - ‘makan’ dan [p<sup>h</sup>uoʔ] - ‘puak’. Namun kita dapati beberapa leksikal Thai telah masuk dan digunakan dengan aktif dalam kalangan masyarakat DSL. Jadual 13 adalah contoh leksikal yang disertakan dengan hembusan. Kesemuanya adalah kata pinjaman dari Thai yang digunakan oleh masyarakat Melayu Satun di Langkawi. Data ini juga digunakan di Satun.

JADUAL 13: Hembusan Dalam Leksikal DSL

| Kata Asal | Konsonan Hembusan       | DSL/DST  |
|-----------|-------------------------|----------|
| ayam      | [k <sup>h</sup> aj]     | DSL, DST |
| tajam     | [k <sup>h</sup> om]     | DSL, DST |
| atap      | [lαŋk <sup>h</sup> α]   | DSL, DST |
| barang    | [k <sup>h</sup> öŋ]     | DSL, DST |
| kita      | [p <sup>h</sup> uk ɛâw] | DSL, DST |
| lutut     | [hũα k <sup>h</sup> αù] | DST      |
| paha      | [k <sup>h</sup> α]      | DST      |

#### iv. Vokal Panjang

Sekali lagi, tidak wujudnya vokal atau konsonan panjang dalam DSL. Senarai leksikal dalam Jadual 14 di bawah adalah contoh data yang ditemui di Langkawi dan Satun. Apa yang menarik vokal panjang berlaku dalam bahasa Thai tetapi tidak untuk DSL dan DST. Ini membuktikan bahawa leksikal yang dikutip adalah leksikal yang dipinjam dari bahasa Thai.

JADUAL 14. Vokal Panjang


| Kata Asal | Pemanjangan Vokal | DMP/ DMS |
|-----------|-------------------|----------|
| hutan     | [pà:]             | DSL, DST |
| mak       | [maj:]            | DSL, DST |
| manggis   | [lu: maŋkut]      | DSL, DST |
| menggosok | [lu:p], [tu:]     | DSL, DST |
| nangka    | [lu:ʔ nun]        | DSL, DST |
| nenek     | [ta: ja],         | DSL, DST |
| petai     | [tə:]             | DSL, DST |

Ringkasnya wujud nahu Thai dalam DSL dan DST adalah melalui kata pinjaman. Cuma ada sedikit data yang menunjukkan ciri Thai telah meresap dalam DSL dan DST. Contohnya dalam leksikal bernada seperti [αʔjô], [uljǎʔ], aspirasi seperti [p<sup>h</sup>at], [mak<sup>h</sup>an], dan monosilabik seperti [do<sup>w</sup>n] atau [dα<sup>w</sup>n]. Vokal panjang memang tidak ketara. Apa yang jelas, kesemua ciri Thai yang produktif ini memang datangnya dari kata pinjaman penuh dari bahasa Thai.

## APLIKASI GIS


Bagi memastikan taburan dialek ini dapat difahami dengan mudah, maka peta taburan dialek ini dihasilkan. Berikut adalah peta taburan persamaan dan perbezaan leksikal DSL dan DST yang ditemui di Langkawi dan Satun. Empat ciri yang diketengahkan adalah pemanjangan vokal, bunyi beraspirasi, bunyi bernada dan monosilabik. Taburan *choropleth* ini menggunakan perisian *Geographic Information System* (GIS) bagi memastikan paparan data itu tepat dengan kawasan kajian. Empat warna telah digunakan untuk membezakan ciri nahu Thai ini. Daripada peta 9 di bawah taburan monosilabik memang banyak ditemui di bahagian tengah Langkawi, iaitu kawasan pertempatan masyarakat Siam. Sementara bagi vokal panjang, bunyi aspirasi dan bernada tidak akan ditemui dalam DML. Mudahnya, ciri ini tiada pada DML. Tiada bunyi hembusan pada DSL kecuali pada tiga, iaitu [p<sup>h</sup>aʔ lʔaʔ] – ‘lepat liat’, [mak<sup>h</sup>an] - ‘makan’ dan [p<sup>h</sup>uoʔ] - ‘puak’. Selebihnya leksikal dengan hembusan memang dipinjam dari bahasa Thai. Sebab itu kita temui beberapa leksikal dalam DSL yang menggunakan hembusan. Begitu juga bagi vokal panjang, ia hadir pada bahasa Thai tetapi tidak pada DSL dan DST. Ini bermakna masyarakat Satun banyak meminjam leksikal dari Thai. Yang menariknya, leksikal ini dipinjam bersama ciri nahunya. Peta 9 jelas menunjukkan taburan DSL dengan ciri nahu Thai.

Dari segi geolinguistiknya, Nor Hashimah et al. (2017) menyatakan bahawa bentuk muka bumi di Langkawi yang berbukit-bukit di bahagian tengah pulau itu menjadi faktor penghalang dialek Satun merebak ke kawasan berhampiran. Dengan sebab itu kita tidak temui DSL mempengaruhi DML di Padang Mat Sirat, Bohor dan sebahagian besar Kuah yang merupakan kawasan asal orang Melayu Langkawi. Masyarakat Satun memang terlibat secara langsung dalam perikanan (Kamaruddin 1999), maka mereka memilih kawasan teluk untuk datang dan menangkap ikan. Pulau Tuba dan Padang Lalang adalah kawasan teluk yang menjadi tempat nelayan mendarat. Sekali lagi faktor muka bumi, iaitu tanjung menjadi tempat pendaratan mereka. Kemudahan pas bulanan juga menjadikan pergerakan Melayu Satun lebih kerap ke Langkawi.



PETA 9: Ciri-Ciri Nahu Thai di Langkawi

Berikut pula adalah taburan semua varian yang bercirikan nahu bahasa Thai di Satun. Kita dapati kawasan yang berjiran dengan Langkawi iaitu mukim Che Bilang mempunyai pola dan varian yang hampir sama dengan Langkawi. Ini berbeza dengan Cha Lung, Ban Khuan dan Tammalang. Kedudukan sub daerah ini yang jauh dari Langkawi, iaitu, di kawasan pedalaman yang lebih banyak dipengaruhi oleh nahu bahasa Thai. Kita dapati banyak pengaruh nahu Thai berada di Cha Lung, Ban Khuan dan Tammalang seperti monosilabik atau pemendekan suku kata, aspirasi nada mahupun vokal panjang.



PETA 10: Ciri-Ciri Nahu Thai di Satun

## **KESIMPULAN**

Kajian penyebaran dialek Melayu di Langkawi telah memberikan satu hasil dapatan kajian yang sangat menarik. Faktor non linguistik seperti topografi, migrasi, sejarah dan sosio-budaya memainkan peranan yang penting dalam penyebaran dialek. Kemasukan Melayu Satun telah mewarnai penyebaran dialek Melayu di Langkawi. Buktinya wujud perbezaan dan persamaan leksikal yang digunakan di kedua-dua daerah yang berbeza ini. Kedudukan tengah Langkawi yang menganjur dari Ayer Hangat ke Kedawang telah menjadi kawasan dominan masyarakat Thai. Kajian Nor Hashimah et al. (2017) dan Zaharani et al. (2018) menjadi satu dimensi menarik bagi kajian dialek. Dialek kini bukan sahaja ditentukan oleh faktor linguistik seperti varian bunyi dan perbezaan leksikal tetapi mengambil kira juga faktor bukan linguistik yang jelasnya mampu memberikan penjelasan mengenai taburan dialek dengan jelas, tepat dan saintifik. Kajian dialek dan GIS boleh diperluaskan lagi ke sebelah pantai timur Malaysia. Kali ini boleh dilihat sejauh mana penyebaran dialek Patani di Kelantan dan Terengganu. Pada masa yang sama boleh diperlihatkan perbandingan penyebaran dialek Patani di kawasan selatan timur Thai yang merangkumi Songkhla, Yala, Pattani dan Narathiwat sebagaimana kita lakukan terhadap dialek Melayu di Langkawi dan Satun.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini adalah hasil kajian daripada penyelidikan ‘Pelestarian Tamadun Melayu di Langkawi dan Satun, Thailand – TD-2015-004

\*penulis koresponden

## RUJUKAN

- Amon Thavisak. (1988). Malay Dialects in Thailand. Dicapai pada 12 November 2017 daripada <http://www.lc.mahidol.ac.th/Documents/zResearchComplete/200207-Amon.pdf>
- Asmah Haji Omar. (1993). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. (1996). *Khazanah Dialek Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Gandour, J. (1997). Tonal Rules for English Loanwords in Thai. In T.L Tongkhum, V. Panupong, P. Kullavanijaya & M.R.K. Tingsabadh, (Ed.). *Studies in Tai and Mon Khmer Phonetics and Phonology in Honour of Eugne J.A.Henderson*. Bangkok: Chulalongkorn University Press.
- Harishon Radzi. (2017). Analisis geolinguistik leksikal dialek Melayu di Perak menggunakan sistem maklumat geografi. *Tesis PhD*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Harishon Radzi, Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan, Hayati Lateh & Anati Hamidah Arifin. (2018). Tahap Pemahaman Leksikal Kata Kerja Dialek Melayu Kedah di Pulau Tuba dan Satun. *Jurnal Melayu*. 17(1), 74-93.
- Hayati Lateh, Nor Hashimah, Harishon Radzi & Ruslan Uthai. (2016). Bahasa Melayu di Satun, Thailand. *Proceeding The Tenth International Malaysian Studies Conference (MSC10): Globalization and Regionalism: Malaysian in ASEAN*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Dahaman. (1997). *Glosari Dialek Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamaruddin Esayah. (1999). Perbandingan fonologi dialek Melayu Satun dengan dialek Melayu Perlis. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.
- Luangthoangkhum. T. (2008). The position of non-Thai languages in Thailand. Dlm Hock Guan Lee & Leo Suryadinata. (pnyt.). *Language, Nation and Development in Southeast Asia*, 181-191. Singapore: LSEAS Publishing. Dicapai pada 12 Jun 2015, dari <http://www.google.combooks>
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2015). Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 8(2): 310-330.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Budaya Penyelidikan dan Penerbitan Bertamdu: Satu Sinergi. *GEMA Online® Journal of Language Studies* 13(3): 211-222.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi & Norlisafina Sanit. (2016). Varian Kata Ganti Nama Dialek di Pesisir Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16(1): 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2017). Penyebaran Dialek Melayu di Langkawi. Analisis Geolinguistik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 17(4): 159 - 178.
- Norizah Ardi & Nor Hisham Osman. (2010). Pemeliharaan Bahasa Ibunda dalam Kalangan Masyarakat Islam di Satun, Thailand. Dicapai 29 November 2017, daripada <http://repository.um.edu.my/id/eprint/83097>
- Onishi, T. (2010). Analyzing Dialectological Distributions of Japanese. *Dialectologia, Special issue*, I:123-135.
- Pentadbiran Wilayah Satun. (2015). Dicapai 12 November 2017, daripada <http://satunpao.go.th/eng/home.php?en=his>
- Phaitoon, M. C. (2005). Perubahan autosegmen dalam dialek Patani: Fenomena transmorfofonologisasi. *Persidangan Antarabangsa Bahasa , Sastera dan Budaya*.

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 24-25 Januari 2005.

- Rahim Aman, Norfazila Ab. Hamis & Shahidi Abdul Hamid. (2015). Rekonstruksi Vokal dan Diftong Bahasa Melanau Purba. *GEMA Online journal of Language Studies*. 20(1), 189-205
- Rohani Mohd Yusof. (2010). Situasi bahasa Urak Lawoi di Pulau Adang, Thailand. Kertas Kerja dalam Konferensi International Masyarakat Linguistik Indonesia (KIMLI) 2009, 5-7 November. Dicapai 17 November 2017, daripada <http://sastra.um.ac.id/wp-content/uploads/2010/01/076-Rohani-Univ.-Malaya-Situasi-Bahasa-Urak-Lawoi-di-Pulau-Adang-Thailand.pdf>
- Ruslan Uthai. (2011). *Keistimewaan Dialek Melayu Patani*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Seni Mardman. (1990). Persoalan Kesetiaan Bahasa di Kalangan Orang Melayu-Muslim di Selatan Thailand. *Dewan Bahasa*: 43(12): 935-936.
- Siti Noraini Hamzah. (2018). Penyebaran Leksikal dan Bunyi dalam Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *Tesis PhD*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Teeraroanarat, S dan Tingsabadh, K. (2011). A GIS-Based Approach for Dialect Boundary Studies. *Dialectologia* 6, 55-75.
- Worawit Baru. (1999). Dasar Kerajaan dan Kesannya Terhadap Bahasa Melayu di Negara Thai. *Tesis PhD*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Yusmaniza Mohd. Yusoff. (2014). Penyebaran dialek Melayu di Perak: Pemetaan menggunakan aplikasi Geographical Information System (GIS). *Tesis Sarjana*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.
- Zaharani Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Yusmaniza Yusoff. (2018). GIS Mapping of Dialect Variation in North Perak. *Dialectologia* 20, 1-20.

## Biodata Penulis

Nor Hashimah Jalauddin (PhD) adalah profesor di Program Linguistik, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik. Beliau menjadi pengasas kepada bidang geolinguistik di UKM. Beliau banyak melakukan penyelidikan geolinguistik dengan hasrat menghasilkan peta isoglos dialek Melayu di Malaysia.

Adriana Santa adalah pelajar PhD yang sedang menulis mengenai dialek Melayu Siam di Langkawi-Satun. Beliau telah menggunakan pendekatan geolinguistik dalam menghuraikan data dialek di Langkawi-Satun.

Siti Noraini Hamzah telah selesai menyiapkan PhD Linguistik di bawah seliaan Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaluddin. Bidang penyelidikan dialektologi dan GIS (*Geographic Information System*). Beliau terlibat secara aktif dengan penyelidikan geolinguistik bersama penyeliannya.

Hayati Lateh adalah pelajar PhD di Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Beliau telah menjalankan penyelidikan berkaitan fonologi bahasa Melayu Patani, persepsi pelajar UKM terhadap bahasa Thai, pemilihan bahasa di sempadan Malaysia-Thailand dan peralihan bahasa Melayu di Satun, Thailand.